



GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM LANJUTAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Versi 2024



KANDUNGAN

MUKA SURAT

1.	TUJUAN	4
2.	PUNCA KUASA DAN PERATURAN	4
3.	TAFSIRAN	4
4.	PRINSIP-PRINSIP PEMBERIAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH (CBBP)	6
5.	PELAKSANAAN PROGRAM LANJUTAN	7
6.	SYARAT-SYARAT PERMOHONAN	8
7.	TATACARA PERMOHONAN	10
8.	PROSES PENGAMBILAN DAN PENAWARAN	10
9.	ELAUN DAN KEMUDAHAN BIASISWA	12
10.	CUTI REHAT	16
11.	KENAIKAN PANGKAT	16
12.	FAEDAH PERSARAAN	16
13.	PEMERIKSAAN KESIHATAN	16
14.	IKATAN PERJANJIAN	17
15.	TEMPOH PENGAJIAN	17
16.	TAWARAN DAN YURAN PENGAJIAN CALON SWASTA	17
17.	PEMBATALAN TAWARAN	18
18.	PENANGGUHAN/ MENARIK DIRI/ MENOLAK TAWARAN	18
19.	BERTUGAS RASMI	19
20.	TANGGUNGJAWAB PEGAWAI SEMASA DALAM LATIHAN	20
21.	LAPOR DIRI UNTUK BERKHIDMAT	20
22.	PENALTI	20
23.	TATATERTIB	21
24.	HAK KERAJAAN	21
25.	URUS SETIA PROGRAM LANJUTAN	22

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A: JENIS-JENIS PENYAKIT KRONIK	i
LAMPIRAN B: SYARAT-SYARAT KHAS PERMOHONAN PROGRAM LANJUTAN KKM	ii
LAMPIRAN C: JENIS-JENIS PENALTI YANG DIKENAKAN KEPADA PEMEGANG BIASISWA DALAM PERKHIDMATAN YANG GAGAL MENAMATKAN PENGAJIAN DENGAN JAYA	xi

DISEDIAKAN OLEH:

**BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

DIKEMASKINI APRIL 2024

1. TUJUAN

- 1.1. Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan dasar dan proses pelaksanaan Program Lanjutan bagi anggota paramedik dan auksiliari kesihatan di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKMM).

2. PUNCA KUASA DAN PERATURAN

- 2.1. Jabatan Perkhidmatan Awam mulai 15 Julai 2008 telah memutuskan penurunan kuasa meluluskan sebarang Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) dan pengurusan biasiswa bagi semua pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), kecuali pegawai dan kakitangan di bawah Skim Perkhidmatan Gunasama dan jawatan kader untuk semua program latihan diperturunkan kepada Ketua Setiausaha (KSU) KKM.
- 2.2. Selaras dengan keputusan ini, pengurusan Program Lanjutan dikendalikan sepenuhnya oleh KKM bermula dari tarikh tersebut. Garis Panduan ini dikeluarkan sebagai rujukan dan ketetapan dalaman KKM dalam Pengurusan Cuti Belajar kepada anggota paramedik dan auksiliari yang ditawarkan mengikuti Program Lanjutan.
- 2.3. Dua (2) Jawatankuasa Pemilihan Calon telah ditubuhkan iaitu di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan di Bahagian Pengurusan Latihan (BPL) Kementerian. Jawatankuasa di peringkat negeri dipengerusikan oleh Pengarah Kesihatan Negeri manakala di peringkat BPL dipengerusikan oleh Setiausaha BPL.

3. TAFSIRAN

- 3.1. Bagi tujuan Garis Panduan ini;
 - 3.1.1. “Cuti Belajar” (dalam Perintah Am Bab C 1974 disebut sebagai Cuti Berkursus) bermakna cuti yang diluluskan oleh Kerajaan kepada seseorang pegawai bagi mengikuti kursus jangka sederhana dan

kursus jangka panjang secara sepenuh masa. Dalam tempoh tersebut, pegawai dibenarkan meninggalkan tugas untuk berkursus dan tidak dikira sebagai putus perkhidmatan atau sebagai berhenti kerja;

- 3.1.2. "Kursus" bermakna sebarang kursus atau latihan berbentuk akademik atau kemahiran atau kepakaran, latihan amali / latihan praktikal, program sangkutan/*internship*;
- 3.1.3. "Kursus Jangka Sederhana" bermakna kursus sepenuh masa yang tempohnya melebihi tiga (3) bulan tetapi tidak melebihi dua belas (12) bulan kalendar termasuk hari kelepasan mingguan, kelepasan am dan cuti akademik;
- 3.1.4. "Kursus Jangka Panjang" bermakna kursus sepenuh masa yang tempohnya melebihi dua belas (12) bulan kalendar termasuk hari kelepasan mingguan, kelepasan am dan cuti akademik;
- 3.1.5. "Cuti Belajar Bergaji Penuh" bermakna cuti yang diluluskan oleh pihak berkuasa melulus kepada seseorang pegawai untuk mengikuti kursus atau pengajian di mana dalam tempoh tersebut pegawai dibayar gaji, imbuhan tetap dan lain-lain elaun yang berkelayakan mengikut syarat dan peraturan yang ditetapkan sama ada dengan atau tanpa biasiswa. Cuti ini diberikan kepada pegawai untuk mengikuti kursus bagi pembangunan kompetensi dan bukan untuk kemajuan kerjaya di mana kelayakan yang diperolehi tidak melayakkan pegawai dilantik ke kumpulan perkhidmatan yang lebih tinggi. Cuti ini boleh diberikan sebanyak dua (2) kali sepanjang perkhidmatan;
- 3.1.6. "Program Lanjutan" merupakan tawaran latihan dalam perkhidmatan di peringkat Diploma Lanjutan dan Sijil Pos Basik bagi anggota paramedik dan auksiliari kesihatan. Latihan adalah terbuka kepada pegawai yang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan, Badan Berkanun dan Swasta.

4. PRINSIP-PRINSIP PEMBERIAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH (CBBP)

Prinsip-prinsip asas pemberian kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) pegawai KKM bagi mengikuti Program Lanjutan adalah seperti berikut:-

- 4.1. Kuasa melulus kemudahan CBBP adalah di bawah tanggungjawab KSU KKM.
- 4.2. Pegawai yang memohon hendaklah melalui proses pemilihan dalam Mesyuarat Pemilihan Calon bagi Program Lanjutan di peringkat BPL dan diperakukan oleh Ketua Pengarah Kesihatan;
- 4.3. Pegawai yang berjaya ditawarkan sesuatu kursus adalah bergantung kepada syarat-syarat permohonan; sokongan penyelia, Ketua Jabatan dan JKN serta kapasiti ILKKM yang mengendalikan sesuatu program dari segi keupayaan tenaga pengajar, penempatan klinikal serta kapasiti penempatan;
- 4.4. Pegawai yang telah mengikuti Cuti Belajar mengikut tempoh di dalam Jadual berikut di dalam atau luar negara, boleh dipertimbangkan untuk mengikuti kursus jangka sederhana atau kursus jangka panjang yang berikutnya di peringkat yang lebih tinggi sama ada di dalam atau luar negara selepas tempoh tamat mengikuti kursus yang terdahulu dengan jayanya;

Tempoh Kursus	Tempoh Tamat Mengikuti Kursus (pada 1 Januari Tahun berikutnya)
Lebih daripada 12 bulan	2 tahun
Lebih daripada 3 bulan sehingga genap 12 bulan	1 tahun
3 bulan dan ke bawah	Tiada

- 4.5. Pegawai yang pernah diluluskan cuti belajar tetapi **gagal kerana kelemahan akademik tidak layak diberi kemudahan cuti belajar dari kategori yang sama**. Pegawai berkenaan hanya boleh dipertimbangkan kemudahan cuti belajar di bawah kategori yang lebih rendah daripada kategori cuti belajar yang telah diluluskan sebelumnya. Contohnya, pegawai yang pernah diluluskan CBBP dengan Biasiswa tetapi gagal disebabkan oleh kelemahan akademik hanya layak dipertimbangkan CBTG tanpa Biasiswa setelah atau dalam tempoh menyelesaikan hutang (tuntutan penalti / ganti rugi);
- 4.6. Semua permohonan dari penjawat awam yang dikemukakan hendaklah mematuhi prinsip-prinsip asas yang dinyatakan dalam **JPA(L)S.175/4/1-1 KLT.8(22) – “Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar Kepada Pegawai Awam Yang Mengikuti Kursus Jangka Sederhana dan Kursus Jangka Panjang Secara Sepenuh Masa”**.

5. PELAKSANAAN PROGRAM LANJUTAN

- 5.1. Pengambilan pelatih baharu Program Lanjutan dilaksanakan sebanyak dua **(2) kali setahun** iaitu pada sesi **Mac** dan **September**.
- 5.2. Tawaran Program Lanjutan dilaksanakan sebanyak dua (2) kali setahun iaitu pada bulan Oktober/November dan bulan April/Mei.
- 5.3. Tawaran Program Lanjutan dilaksanakan melalui surat edaran kepada JKN, Pengarah Hospital, Institut Latihan, Ketua-Ketua Perkhidmatan/Bidang serta secara dalam talian di portal BPL (<http://latihan.moh.gov.my>), Sistem Permohonan Program Lanjutan (<http://eldp.moh.gov.my>), *Postmaster* KKM serta saluran media sosial KKM.
- 5.4. Proses permohonan dan setiap proses sokongan serta perakuan calon Program Lanjutan adalah dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian melalui Sistem e-LDP. Pemohon dikehendaki mendaftar akaun pengguna bagi semua transaksi permohonan secara dalam talian.

- 5.5. Saringan awal pegawai yang diperakukan JKN/ Ketua Jabatan dilaksanakan secara automatik dalam sistem e-LDP berdasarkan syarat-syarat am dan khas Program Lanjutan. Tawaran akan dikemukakan kepada pegawai-pegawai yang berjaya melalui sistem e-LDP. Pegawai dikehendaki mencetak surat tawaran untuk tindakan Ketua Jabatan masing-masing.

6. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Pegawai yang ingin memohon Program Lanjutan adalah tertakluk kepada syarat-syarat am dan khas yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

6.1. Syarat-syarat Am;-

- 6.1.1. Berumur tidak melebihi **48 tahun** pada tarikh tutup tawaran.
- 6.1.2. Berkhidmat **sekurang-kurangnya tiga (3) tahun** bagi pegawai Kerajaan & Badan Berkanun dan **dua (2) tahun** bagi pegawai swasta pada tarikh tutup tawaran.
- 6.1.3. Pegawai telah **disahkan dalam skim perkhidmatan terkini** pada tarikh tutup permohonan.
- 6.1.4. Mencapai purata markah **Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) 85% ke atas** bagi tempoh **tiga (3) tahun** skim perkhidmatan **terkini secara berturut-turut**. Penilaian setahun LNPT hendaklah **genap 12 bulan**.
- 6.1.5. **Bagi pegawai Peningkatan Secara Lantikan (PSL), pegawai perlu disahkan dalam skim perkhidmatan terkini dan mencapai purata LNPT 85% ke atas** bagi tempoh **tiga (3) tahun** dalam skim perkhidmatan terkini secara berturut-turut (**2021, 2022, 2023**). Penilaian setahun LNPT hendaklah **genap 12 bulan**;
- 6.1.6. **Pegawai bersih/bebas** daripada sebarang pertuduhan/prosiding dan tindakan tatatertib, siasatan dan/atau dalam proses dakwaan mahkamah.

- 6.1.7. **Diperakukan oleh Ketua Jabatan**
- 6.1.8. **Lulus pemeriksaan kesihatan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan (termasuk ujian Hepatitis B, Hepatitis C & HIV/AIDS dan U.P.T) selepas pegawai terpilih untuk mengikuti Program Lanjutan. Sekiranya keputusan pemeriksaan perubatan tidak lulus, tawaran adalah terbatal dengan sendiri dan latihan ditamatkan.**
- 6.1.9. Pegawai bebas daripada penyakit yang boleh menjejaskan keupayaan untuk mengamalkan perubatan (*unfit to practice*) dari segi fizikal dan mental seperti di **Lampiran A**.
- 6.1.10. Pegawai Kerajaan yang **menarik diri** dari mengikuti latihan setelah menandatangani kontrak dengan Kerajaan Malaysia akan dikenakan penalti dan tidak layak memohon selagi ikatan kontrak dengan Kerajaan masih berjalan seperti dijelaskan dalam Perkara 18.
- 6.1.11. Pegawai yang **menolak tawaran** kursus bagi sesi sebelum ini tanpa alasan yang munasabah adalah **tidak layak memohon dalam tempoh dua (2) tahun terakhir**.
- 6.1.12. Pegawai yang **telah mengikuti** mana-mana tawaran Program Lanjutan dalam tempoh **dua (2) tahun terakhir** adalah **tidak layak memohon**;
- 6.1.13. **Pegawai wanita hamil tidak layak untuk memohon. Pegawai juga tidak dibenarkan hamil sepanjang tempoh pengajian**; dan
- 6.1.14. Memiliki Sijil Amalan Profesional yang masih sah (sekiranya berkenaan).
- 6.1.15. **Pegawai yang telah mengemukakan permohonan pertukaran /dalam proses pertukaran tempat bertugas tidak layak dipertimbangkan untuk mengikuti Program Lanjutan.**

6.2. Syarat-Syarat Khas;-

Syarat-syarat Khas penawaran Program Lanjutan adalah berdasarkan keperluan dan penetapan kurikulum bagi setiap program seperti di **LAMPIRAN B.**

7. TATACARA PERMOHONAN

- 7.1. Permohonan adalah secara dalam talian sepenuhnya menerusi Sistem Permohonan Program Lanjutan (**eldp.moh.gov.my**). Pegawai hendaklah membaca dan memahami setiap arahan yang dinyatakan dalam **Panduan Pengguna** serta mengisi butiran dengan lengkap dan memuat naik dokumen yang diperlukan sahaja.
- 7.2. Permohonan perlu disokong oleh penyelia dan Ketua Jabatan **secara dalam talian**. Adalah menjadi **tanggungjawab pegawai** untuk memaklumkan kepada penyelia dan Ketua Jabatan masing-masing bagi memastikan permohonan telah diambil tindakan. Bagi pegawai Kementerian Kesihatan, permohonan perlulah mendapat perakuan JKN.
- 7.3. Pengakuan pegawai adalah pernyataan yang diambil kira dalam permohonan ini. KKM berhak **membatalkan permohonan sekiranya terbukti maklumat yang diberikan adalah palsu atau berbentuk penipuan.**

8. PROSES PENGAMBILAN DAN PENAWARAN

8.1. Peringkat Jabatan Kesihatan Negeri (JKN)

Tapisan pertama permohonan pegawai KKM dilaksanakan oleh JKN seperti berikut:

- 8.1.1. Mengedarkan iklan tawaran Program Lanjutan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) seperti Hospital, Klinik Kesihatan, Institusi dan Pejabat Kesihatan Daerah / Kawasan.

- 8.1.2. Menerima permohonan pegawai **secara dalam talian** dan memproses permohonan **selaras dengan syarat-syarat am dan khas program**.
 - 8.1.3. Memilih calon berdasarkan kesesuaian pegawai dalam sesuatu bidang selaras dengan **keperluan perkhidmatan** dan fasiliti KKM.
 - 8.1.4. Senarai pegawai yang telah diperakukan oleh Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri/Agensi hendaklah **disahkan dalam talian** dan dikemukakan dalam sistem oleh Pentadbir Sistem JKN **mengikut tarikh yang telah ditetapkan**.
 - 8.1.5. Memastikan pegawai-pegawai yang diperakukan **bersih/bebas daripada sebarang pertuduhan/prosiding dan tindakan tatatertib, siasatan dan/atau dalam proses dakwaan mahkamah**.
 - 8.1.6. Memastikan pegawai-pegawai yang diperakukan adalah **berkelayakan** dan **memenuhi syarat-syarat am dan khas program**. Pengesahan syarat-syarat khas perlu dilaksanakan dalam Sistem e-LDP semasa proses perakuan.
 - 8.1.7. **Memastikan pegawai yang telah tamat Program Lanjutan bertugas di jabatan/unit yang diperlukan selaras dengan perancangan semasa permohonan**.
- 8.2. **Jawatankuasa Peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia**
Tapisan kedua permohonan calon kursus ini dilaksanakan oleh BPL, KKM seperti berikut:
- 8.2.1. Melaksanakan saringan **awal** permohonan **secara dalam talian** (sistem e-LDP) berdasarkan syarat-syarat am dan khas;
 - 8.2.2. Melaksanakan saringan permohonan calon secara dalam talian (sistem e-LDP) berdasarkan **perakuan Penyelia, Ketua Jabatan dan Jabatan Kesihatan Negeri bagi pegawai KKM dan sokongan Penyelia dan Ketua Jabatan bagi pegawai Badan Berkanun dan Swasta**;

- 8.2.3. Senarai calon yang memenuhi syarat-syarat permohonan dan diperakukan oleh JKN/ Ketua Jabatan akan dibentangkan dalam **Jawatankuasa Pemilihan Calon Program Lanjutan KKM;**
- 8.2.4. Kriteria-kriteria bagi menentukan bilangan calon yang layak adalah seperti berikut:
- a) Kapasiti kolej berpandukan TNA (*Training Needs Analysis*);
 - b) Tenaga pengajar yang berkemahiran dalam bidang tersebut;
 - c) Nisbah pengajar kepada pelatih; dan
 - d) Kuota calon Kerajaan, Badan Berkanun dan Swasta. Keutamaan akan diberikan kepada pegawai-pegawai dari KKM.
- 8.2.5. Senarai calon yang telah melepasi saringan dan diperakukan layak oleh **Jawatankuasa Pemilihan Calon Program Lanjutan KKM akan dikemukakan kepada Ketua Profesion untuk pemilihan akhir calon berjaya;**
- 8.2.6. Mendapatkan kelulusan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) daripada KSU KKM bagi pegawai-pegawai KKM yang berjaya; dan
- 8.2.7. Memuat naik tawaran kepada calon yang berjaya dalam Sistem e-LDP bagi proses penerimaan secara dalam talian.
- 8.3. **KKM berhak menentukan penempatan bagi pegawai yang mengikuti latihan di mana-mana ILKKM yang melaksanakan program-program yang ditawarkan bagi setiap pengambilan. PERTUKARAN TEMPAT LATIHAN TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**

9. ELAUN DAN KEMUDAHAN

- 9.1. Pembayaran elaun dan kemudahan bagi pegawai yang diluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh bagi mengikuti Program Lanjutan di ILKKM adalah berpandukan **kepada Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar Kepada**

Pegawai Awam Yang Mengikuti Kursus Jangka Sederhana dan Kursus Jangka Panjang Secara Sepenuh Masa oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan mana-mana pekeliling yang sedang berkuat kuasa.

- 9.2. Pembayaran gaji dan elaun **pegawai KKM** yang mengikuti Program Lanjutan di ILKMM dilaksanakan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing kecuali bagi **Elaun Sara Hidup (ESH)** akan dibayar oleh Bahagian Pengurusan Latihan, KKM di bawah peruntukan Belanja Mengurus.
- 9.3. Pegawai layak dipertimbangkan Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) sebenar sepanjang tempoh cuti belajar berdasarkan **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2009**.
- 9.4. Pegawai adalah layak untuk menerima bayaran elaun dan kemudahan di sepanjang tempoh penajaan dan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

9.4.1. **Elaun Sara Hidup**

Berdasarkan **Perenggan 5, Pekeliling Perbendaharaan WP1.10 - Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Semasa Berkursus Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan** dan mana-mana pekeliling yang sedang berkuat kuasa.

I. Di Luar Kawasan Ibu Pejabat

- i. Semua peserta Program Lanjutan dibayar Elaun Sara Hidup semasa latihan Teori dan Amali iaitu sebanyak **RM 25.00 sehari** sepanjang tempoh teori dan amali bagi kursus di luar Ibu Pejabat asal, jika tidak disediakan tempat penginapan dan makan / minum dan tertakluk kepada syarat seperti berikut:
 - a) Pegawai tidak menerima Arahan Pertukaran; dan
 - b) Kemudahan makan dan penginapan tidak disediakan oleh Kerajaan atau Penganjur.

- ii. Sekiranya salah satu kemudahan sahaja disediakan, **maka elaun yang tidak disediakan itu layak dituntut mengikut pecahan unsur elaun iaitu 50% untuk penginapan dan 50% untuk makan.** Jika sebahagian daripada kemudahan makan disediakan, maka pegawai layak untuk menuntut bahagian makanan yang tidak disediakan itu mengikut kadar seperti di WP1.10 perenggan 4.1.2.

II. Di Dalam Kawasan Ibu Pejabat

- i. Elaun Sara Hidup sebanyak **RM15 sehari** bagi sepanjang tempoh kursus tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut.
 - (a) Pegawai yang berkursus di dalam kawasan Ibu Pejabat; atau
 - (b) Pegawai dari luar kawasan Ibu Pejabat yang menerima Arahan Pertukaran; dan
 - (c) Kemudahan makan tidak disediakan oleh Kerajaan atau Penganjur; dan
 - (d) Kursus itu diadakan di luar bangunan/kompleks tempat biasa pegawai bertugas.

9.4.2. Imbuan Tetap Perumahan (ITP)

Pegawai layak menerima ITP mengikut Gred berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil 4 Tahun 2002 (Lampiran C8) dan Pekeliling Perkhidmatan Bil 8 Tahun 2015

9.4.3. Bayaran Imbuan Perumahan Wilayah (BIPW)

Tidak layak dibayar kepada pegawai yang mengikuti kursus melebihi tempoh tiga (3) bulan berdasarkan **Pekeliling Perkhidmatan Bil 7 Tahun 2019** dan **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 4 Tahun 2009**. **BIPW akan digantikan dengan ITP.**

9.4.4. **Bayaran Imbuhan Sara Hidup (BISH)**

Layak dibayar mengikut lokasi PTJ bagi pegawai yang diluluskan cuti belajar/ kursus jangka sederhana dalam negara berdasarkan **Pekeliling Perkhidmatan Bil 7 Tahun 2019**.

9.4.5. **Bayaran Insentif Wilayah (BIW)**

Tidak layak dibayar kepada pegawai yang mengikuti kursus melebihi tempoh tiga (3) bulan, berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 4 Tahun 2009. BIW akan digantikan dengan BISH, mengikut kadar berdasarkan lokasi institusi pengajian.

9.4.6. **Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK)**

Jururawat serta Pembantu Perubatan yang mengikuti Program Lanjutan yang dikendalikan oleh KKM layak menerima BIPK sepanjang tempoh kursus mengikut peraturan dan kadar seperti dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2007 dan tertakluk kepada peraturan-peraturan semasa.

9.4.7. **Elaun Perjalanan Kenderaan atau Tambang Pengangkutan Awam**

Pegawai layak untuk menuntut bayaran perjalanan pergi balik dari rumah kediaman ke Pusat Pengajian **sekali** sahaja. Bayaran adalah di bawah tanggungjawab PTJ masing-masing.

9.4.8. **Kemudahan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal**

Tidak layak diterima oleh pegawai sepanjang tempoh pengajian.

9.4.9. **Elaun Pemangkuan**

Tidak layak dibayar kepada pegawai yang mengikuti kursus melebihi 92 hari berturut-turut berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2009.

9.4.10. **Elaun / Imbuhan Lain**

Pegawai yang diluluskan CBBP layak menerima imbuhan/elaun lain dengan kadar penuh daripada jumlah yang berkecukupan.

10. CUTI REHAT

10.1. Bagi pegawai yang mengikuti pengajian di dalam dan luar negara genap atau kurang daripada 12 bulan, baki cuti rehat semasa boleh dibawa ke tahun hadapan.

10.2. **Pegawai layak menerima cuti akademik sebanyak mana yang ditetapkan oleh Institut Latihan.** Tempoh cuti akademik pegawai KKM yang diluluskan CBBP bagi tempoh 12 bulan atau kurang perlu ditolak dari jumlah Cuti Rehat yang pegawai berkelayakan sebelum bercuti (Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2009).

11. KENAIKAN PANGKAT

Pegawai boleh dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat dalam tempoh mengikuti kursus tersebut sekiranya telah memenuhi syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan berdasarkan **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 4 Tahun 2009.**

12. FAEDAH PERSARAAN

Tempoh CBBP boleh dimasukkan kira bagi tujuan pengiraan faedah persaraan atau faedah terbitan seperti mana diperuntukkan di bawah undang-undang pencen yang berkuat kuasa.

13. PEMERIKSAAN KESIHATAN

Pegawai dikehendaki untuk menjalankan pemeriksaan kesihatan sebelum memulakan latihan dengan menggunakan **Borang Pemeriksaan Kesihatan Bagi Calon Pelatih Yang Mengikuti Latihan di Institusi Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia.** Segala kos yang berkaitan dengan pemeriksaan kesihatan, sama ada di hospital/ klinik kerajaan/ swasta atau panel doktor yang ditetapkan adalah di bawah tanggungjawab pegawai. **Pegawai hendaklah bebas daripada sebarang penyakit kronik. KKM berhak menarik balik tawaran CBBP sekiranya pegawai disahkan menghidap penyakit kronik yang disenaraikan di Lampiran A.**

14. IKATAN PERJANJIAN

- 14.1. Pegawai-pegawai KKM yang mendapat tawaran perlu menandatangani kontrak perjanjian dengan Kerajaan dan pegawai di kehendaki berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan berdasarkan tempoh ikatan kontrak perjanjian pegawai dengan kerajaan iaitu selama **satu (1) tahun** atau denda **RM25,000** jika melanggar syarat-syarat perjanjian.
- 14.2. Bagi pegawai yang menarik diri dari latihan setelah menandatangani Borang Perjanjian, Kontrak perjanjian dengan Kerajaan Malaysia masih berkuat kuasa iaitu satu (1) tahun dari tarikh tamat menjalani kursus tersebut.

15. TEMPOH PENGAJIAN

Tempoh pengajian bagi Program Lanjutan adalah bergantung kepada program-program yang ditawarkan serta tertakluk kepada syarat dan peraturan yang ditetapkan dari semasa ke semasa. Kategori program yang ditawarkan adalah seperti Jadual berikut:

Jadual 12.1 Tempoh Pengajian Program Lanjutan di ILKKM

BIL	PROGRAM	TEMPOH
1.	Diploma Lanjutan	12 bulan
2.	Sijil Pos Basik	
	a) Program 6 Bulan	6 bulan
	b) Program 12 Bulan	12 bulan

16. TAWARAN DAN YURAN PENGAJIAN CALON SWASTA

- 16.1. Tawaran kepada calon swasta dibuka kepada anggota paramedik dan auksiliari dari institusi/fasiliti kesihatan yang berdaftar.
- 16.2. Kadar bayaran yuran pengajian semasa bagi **pegawai dari institusi / fasiliti swasta** adalah seperti Jadual di bawah:

Jadual 13.1 Yuran Pengajian Program Lanjutan KKM

BIL	PROGRAM	YURAN (RM)
1.	Diploma Lanjutan	4,600.00
2.	Sijil Pos Basik	
	c) Program 6 Bulan	3,500.00
	d) Program 12 Bulan	4,600.00

17. PEMBATALAN TAWARAN

17.1. Tawaran bagi mengikuti Program Lanjutan di ILKMM adalah **TERBATAL** dengan sendirinya dan akan **ditamatkan latihan** sekiranya pegawai/pelatih:

17.1.1. **Gagal** melapor diri pada **tarikh dan tempat yang telah ditetapkan**;

17.1.2. Anggota perkhidmatan Kerajaan yang dibuang/ditamatkan kerja;

17.1.3. **Tidak lulus pemeriksaan perubatan** (ujian Hepatitis B, Hepatitis C, HIV/AIDS dan U.P.T);

17.1.4. **Tidak menepati syarat-syarat am dan khas program** seperti mana yang diiklan/ditawarkan;

17.1.5. Didapati **hamil** semasa melapor diri atau sepanjang tempoh pengajian; dan

17.1.6. Memberikan **maklumat palsu** untuk mendapatkan tempat latihan.

17.2. Kerajaan berhak meminda apa-apa peraturan dan syarat yang ditetapkan dan/atau menambahnya pada bila-bila masa sahaja tanpa sebarang pemberitahuan dan pegawai adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan tersebut. Kerajaan berhak menarik balik tawaran tanpa memberikan sebarang sebab.

18. PENANGGUHAN/ MENARIK DIRI/ MENOLAK TAWARAN

18.1. **Penangguhan sebelum dan semasa dalam latihan adalah TIDAK DIBENARKAN.**

18.2. Penangguhan hanya akan **DIPERTIMBANGKAN** jika terdapat alasan yang **munasabah dan kritikal** sahaja dan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Tatakelakuan Pelatih (JPTP) BPL, KKM. Sebarang rayuan permohonan penangguhan tidak akan diproses setelah keputusan permohonan dimuktamadkan. Kelulusan adalah tertakluk kepada dasar semasa yang sedang berkuat kuasa.

18.3. Dalam tempoh penangguhan, pegawai akan ditempatkan sementara di fasiliti KKM. Semasa dalam tempoh penangguhan latihan, kelayakan cuti pegawai adalah mengikut kemudahan cuti di bawah Perintah Am Bab C. Sepanjang tempoh penangguhan yang disebabkan oleh cuti sakit atau sebab-sebab yang diputuskan oleh JPTP, bayaran elaun/ kemudahan semasa CBBP akan ditangguhkan.

18.4. Pegawai yang berhasrat untuk menolak tawaran/menarik diri adalah tertakluk kepada ketetapan berikut:

18.4.1. Pegawai yang menolak tawaran sebelum mengikuti latihan dikehendaki mengemukakan **Surat Penolakan Tawaran dan Surat Sokongan Ketua Jabatan masing-masing bersama Surat Tawaran Sementara kepada Bahagian Pengurusan Latihan, KKM.**

18.4.2. Pegawai yang **menarik diri** daripada mengikuti latihan setelah kursus bermula dikehendaki mengemukakan **Surat Penarikan Diri melalui Pengarah Institut Latihan untuk kelulusan Bahagian Pengurusan Latihan, KKM.**

18.4.3. Sebarang permohonan untuk menarik diri atau menolak tawaran perlu **mendapat kelulusan BPL.**

18.4.4. Pegawai yang telah diluluskan penarikan diri dari latihan adalah **TIDAK LAYAK** untuk mengikuti Program Lanjutan selama **dua (2) tahun dari tarikh kelulusan menarik diri.**

19. BERTUGAS RASMI

Pegawai **TIDAK DIBENARKAN** untuk menjalankan tugas rasmi di sepanjang tempoh latihan seperti menghadiri mesyuarat, datang bertugas di pejabat, memberikan ceramah atau menjadi panel temu duga dan sebagainya. Kegagalan pegawai mematuhi peraturan ini akan menyebabkan pegawai dikenakan tindakan yang sewajarnya.

20. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI SEMASA DALAM LATIHAN

- 20.1. Memastikan **kelulusan cuti belajar** seperti yang dinyatakan di dalam surat kelulusan direkodkan di dalam **Buku Rekod Perkhidmatan**.
- 20.2. Menumpukan sepenuh perhatian kepada kursus yang diikuti.
- 20.3. **Menduduki semua peperiksaan yang dijadualkan**.
- 20.4. Pegawai yang berhasrat untuk bercuti ke luar negara bagi urusan persendirian dikehendaki mendapatkan **kebenaran bertulis daripada penyelia (akademik) di Institusi Latihan**.

21. LAPOR DIRI UNTUK BERKHIDMAT

Pegawai wajib melapor diri ke Jabatan masing-masing berdasarkan situasi-situasi seperti berikut:

- 21.1. **Setelah tamat minggu peperiksaan akhir dan cuti semester** (merujuk kepada semester terakhir untuk menamatkan pengajian) seperti yang ditetapkan dalam program latihan; atau
- 21.2. Setelah **tamat tempoh Cuti Belajar**, sama ada dengan jaya atau tidak; atau
- 21.3. Setelah tamat pengajian atau tamat tempoh Cuti Belajar mana yang terdahulu; atau
- 21.4. **Gagal atau ditamatkan pengajian**; atau
- 21.5. **Menarik diri dari pengajian**.

22. PENALTI

- 22.1. Pegawai-pegawai yang berhenti berkhidmat dengan Kerajaan atau melanggar syarat-syarat perjanjian dalam tempoh ikatan kontrak dikehendaki membayar penalti sebanyak **RM25,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Ribu)**.
- 22.2. Pegawai yang menarik diri daripada pengajian, ditamatkan atas masalah disiplin atau gagal menamatkan pengajian dengan jaya dalam tempoh yang ditetapkan akan dikenakan tindakan penalti tertakluk kepada syarat-syarat

penalti yang sedang berkuat kuasa dan berdasarkan **Garis Panduan Dasar Pelaksanaan Tindakan Mengenakan Penalti Kepada Pemegang Biasiswa Dalam Perkhidmatan Yang Gagal Menamatkan Pengajian Dengan Jaya** seperti di **LAMPIRAN C**.

22.3. Pengecualian penalti diberi kepada pegawai yang mempunyai masalah kesihatan iaitu penyakit kronik seperti di **LAMPIRAN A**.

22.4. Tindakan penalti ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat penalti yang sedang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

23. TATATERTIB

23.1. Semasa mengikuti latihan, pegawai perlu menjaga tatakelakuan sebagai penjawat awam. Jika didapati pegawai terlibat dalam sesuatu kegiatan atau mengeluarkan kenyataan atau penerbitan yang tidak bertanggungjawab, termasuk tidak mematuhi syarat-syarat Cuti Belajar ini, maka kelulusan Cuti Belajar akan ditarik balik dan tindakan tatatertib boleh dikenakan di bawah **Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993**.

23.2. **Semua pegawai yang ditawarkan latihan adalah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Pelatih Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) 2016.**

24. HAK KERAJAAN

Kerajaan berhak meminda syarat-syarat Cuti Belajar ini dari semasa ke semasa dan pegawai awam adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan tersebut. Kerajaan juga berhak menarik balik kelulusan Cuti Belajar tanpa memberi sebarang notis.

25. URUS SETIA PROGRAM

Bagi pertanyaan lanjut berkaitan penawaran Program Lanjutan, pegawai dinasihatkan untuk menghubungi urus setia program di alamat dan talian berikut:-

**Bahagian Pengurusan Latihan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 6, Menara Prisma
No. 26, Pesiaran Perdana Presint 3
62675 PUTRAJAYA
Tel :03-8885 0600
Emel: kursuslanjutan@moh.gov.my**

JENIS-JENIS PENYAKIT KRONIK

- a. Kanser;
- b. Serangan jantung;
- c. *Pulmonary Hypertension*;
- d. Penyakit buah pinggang yang kronik;
- e. Penyakit hati (*liver*) yang kronik;
- f. Hepatitis;
- g. Kecederaan di kepala disebabkan kemalangan;
- h. Tumor dan kecacatan pembuluh darah di otak;
- i. Melepuh dan melecur kerana kebakaran;
- j. Pemindahan organ utama;
- k. Penyakit *Parkinson*;
- l. Penyakit HIV atau AIDS atau kedua-duanya;
- m. Pemindahan kaki dan/atau tangan;
- n. Skizofrenia;
- o. Kecederaan, kecacatan fizikal atau penyakit mental yang dialami semasa menjalani latihan atau kursus yang disahkan oleh Pakar Perubatan Kerajaan dan atau Pakar Perubatan yang diperakukan oleh penaja sebagai tidak sihat untuk meneruskan pengajian; dan
- p. Lain-lain penyakit yang disahkan sebagai penyakit kronik dan tidak sihat untuk meneruskan pengajian oleh Pakar Perubatan Kerajaan dan atau Pakar Perubatan yang diperakukan oleh penaja.

LAMPIRAN B

SYARAT-SYARAT KHAS PERMOHONAN PROGRAM LANJUTAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

Bil	Program	Sesi		Syarat-Syarat Khas	Jawatan yang layak memohon	Tempoh (Bulan)
		Mac	Sep			
DIPLOMA LANJUTAN						
1.	Kebidanan	√	√	<p>a) Memiliki Sijil Kursus Penyusuan Susu Ibu (PSI) yang menggunakan modul latihan: <i>Breastfeeding Promotion and Support: A Training Course for Health Professionals</i>, MOH, 2009 termasuk 3 jam latihan amali, seperti berikut:</p> <p>i. Sijil Kursus Penyusuan Susu Ibu mestilah mulai dari tahun 2009; dan</p> <p>ii. Minimum 20 jam kursus termasuk 3 jam latihan amali;</p> <p>b) Modul latihan bagi kursus PSI 13@18 jam adalah tidak setaraf dengan kursus 20 jam.</p>	Jururawat	12
2.	Pengimejan Perubatan (Pengimejan Payudara)		√	Hanya Juru X-Ray (Diagnostik) wanita yang mempunyai pengalaman bertugas sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam Mamografi dan pengalaman bertugas sebagai Juru X-Ray selama lima (5) tahun.	Juru X-Ray (Diagnostik)	12
3.	Histopatologi		√	Keutamaan kepada calon yang mempunyai pengalaman bertugas di Makmal Histopatologi sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.	Juruteknologi Makmal Perubatan	12

Bil	Program	Sesi		Syarat-Syarat Khas	Jawatan yang layak memohon	Tempoh (Bulan)
		Mac	Sep			
4.	Hematologi		√	Keutamaan kepada calon yang mempunyai pengalaman bertugas di Makmal Hematologi sekurang-kurangnya satu (1) tahun.	Juruteknologi Makmal Perubatan	12
5.	Sitologi		√	a) Keutamaan kepada calon yang mempunyai pengalaman bertugas di Makmal Sitologi sekurang-kurangnya satu (1) tahun; dan b) Menyaring minimum 3,000 slaid ginekologi.	Juruteknologi Makmal Perubatan	12
6.	Transfusi Darah		√	Keutamaan kepada calon yang mempunyai pengalaman bertugas di Makmal Transfusi Darah sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.	Juruteknologi Makmal Perubatan	12
7.	Mikrobiologi Perubatan		√	Keutamaan kepada calon yang mempunyai pengalaman bertugas di Makmal Mikrobiologi sekurang-kurangnya satu (1) tahun.	Juruteknologi Makmal Perubatan/ Penolong Pegawai Sains	12
8.	Penjagaan Paliatif	√		Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam perkhidmatan penjagaan Paliatif	Jururawat / Jurupulih Perubatan (Fisioterapi) / Jurupulih Perubatan (Cara Kerja)	12
9.	Penjagaan Onkologi		√	Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam penjagaan Onkologi.	Jururawat/ Penolong Pegawai Perubatan	12

Bil	Program	Sesi		Syarat-Syarat Khas	Jawatan yang layak memohon	Tempoh (Bulan)
		Mac	Sep			
10.	Penjagaan Kesihatan Kardiovaskular		√	a) Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam penjagaan kesihatan kardiovaskular; dan b) Memiliki Sijil <i>Basic Life Support</i> yang masih sah.	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan / Juru X-Ray	12
11.	Perawatan Perioperatif		√	a) Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan di dewan bedah am/sub kepakaran; atau b) Tiga (3) bulan sangkutan (attachment) dewan bedah am/sub kepakaran.	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan	12
12.	Perawatan Gerontologi	√	√	Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam bidang penjagaan Geriatrik.	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan	12
13.	Penjagaan Rapi		√	a) Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam bidang sub kepakaran yang dinyatakan; dan b) Memiliki Sijil <i>Basic Life Support</i> yang masih sah.	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan	12
14.	Pengurusan Penjagaan Kesihatan		√	Pengalaman bertugas sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam pengurusan di unit/jabatan.	Jururawat, Penolong Pegawai Perubatan, Penolong Pegawai Farmasi, Juruterapi Pergigian dan anggota ASKB.	12
15.	Perawatan Kesihatan Mental	√	√	Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam perawatan Kesihatan Mental.	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan	12

Bil	Program	Sesi		Syarat-Syarat Khas	Jawatan yang layak memohon	Tempoh (Bulan)
		Mac	Sep			
16.	Penjagaan Kecemasan	√	√	a) Keutamaan kepada calon yang mempunyai pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam Penjagaan Kecemasan; dan b) Memiliki Sijil <i>Basic Life Support</i> yang masih sah.	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan	12
17.	Perawatan Pediatrik		√	Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan di Wad Pediatrik/Klinik Pediatrik/Pusat Rawatan Harian Pediatrik/ <i>Paediatric High Dependency Unit/Paediatric ICU</i>	Jururawat	12
18.	Penjagaan Respiratori		√	Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam penjagaan Respiratori.	Penolong Pegawai Perubatan/Jururawat	12
19.	Penjagaan Diabetes	√	√	Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam pengurusan penjagaan Diabetes..	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan	12
20.	Penjagaan Neurosains		√	Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dalam penjagaan Neurosains.	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan	12
21.	Rehabilitasi Neuro		√	Tiada syarat khas	Jurupulih Perubatan (Fisioterapi) / Jurupulih Perubatan (Cara Kerja)	12

Bil	Program	Sesi		Syarat-Syarat Khas	Jawatan yang layak memohon	Tempoh (Bulan)
		Mac	Sep			
22.	Tomografi Berkomputer		√	a) Pengalaman sekurang-kurangnya enam (6) bulan di bidang Tomografi Berkomputer dalam tempoh tiga (3) tahun terkini perkhidmatan; dan b) Calon Juru X-Ray (Terapi) perlu memenuhi prasyarat Buku Rekod Radioterapi sebelum mengikuti kursus ini.	Juru X-Ray	12
23.	Epidemiologi Gunaan dan Kawalan Penyakit (Penyakit Berjangkit)		√	Keutamaan kepada calon yang mempunyai pengalaman bertugas sekurang-kurangnya satu (1) tahun dalam bidang berkaitan dengan kawalan penyakit.	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran	12
24.	Pencegahan dan Kawalan Infeksi		√	Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam Pencegahan dan Kawalan Infeksi.	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan	12
25.	Penjagaan Ortopedik	√		Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam penjagaan Ortopedik.	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan	12
26.	Penjagaan Otorinolaringologi	√		Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam penjagaan Otorinolaringologi.	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan	12
27.	Pengimejan Kecemasan dan Trauma	√		Pengalaman bertugas sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam Pengimejan Kecemasan dan Trauma dalam tempoh tiga (3) tahun terkini perkhidmatan.	Juru X-Ray (Diagnostik)	12
28.	Penjagaan Kesihatan Primer	√		Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam penjagaan Kesihatan Primer.	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan	12

Bil	Program	Sesi		Syarat-Syarat Khas	Jawatan yang layak memohon	Tempoh (Bulan)
		Mac	Sep			
29.	Penjagaan Oftalmologi	√	√	Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan atau yang sedang bertugas di unit berkaitan.	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan	12
30.	Perawatan Neonatal		√	Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam perawatan Neonatal.	Jururawat	12
31.	Perubatan Nuklear			a) Mempunyai Diploma Radiografi/ Sains Perubatan dan Kesihatan (Pembantu Perubatan)/ Teknologi Makmal Perubatan atau kelayakan setaraf yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam; dan b) Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam bidang tersebut bagi tempoh tiga (3) tahun terakhir yang disahkan oleh Ketua Jabatan.	Penolong Pegawai Perubatan / Juru X-ray / Juru Teknologi Makmal Perubatan	12
32.	Terapi Senaman			Tiada syarat khas.	Jurupulih Perubatan (Fisioterapi)/ Pegawai Pemulihan Fisioterapi	12
SIJIL POS BASIK						
33.	Kejururawatan Kesihatan Awam	√	√	a) Mempunyai Sijil Kebidanan Bahagian I/Diploma Lanjutan Kebidanan; dan b) Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam bidang tersebut.	Jururawat	12
34.	Anestesia	√		Keutamaan kepada calon yang bertugas di dewan bedah atau unit Anestesia serta bidang yang berkaitan.	Penolong Pegawai Perubatan	12

Bil	Program	Sesi		Syarat-Syarat Khas	Jawatan yang layak memohon	Tempoh (Bulan)
		Mac	Sep			
35.	Siasatan dan Pendakwaan Undang-Undang Kesihatan		√	Tiada syarat khas.	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran	12
36.	Perawatan Rehabilitasi	√	√	Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam bidang yang berkaitan di Unit Rehabilitasi.	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan	6
37.	Penjagaan Peri-Anestesia	√	√	Keutamaan kepada <i>Anaesthetic Assistants</i> di <i>Operation Theater</i> dan juga Penolong Pegawai Perubatan di Unit Rawatan Rapi.	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan	6
38.	Perawatan Gastrointestinal Endoskopi	√	√	Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan di Unit Endoskopi.	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan	6
39.	Kaunseling HIV/AIDS	√	√	Tiada syarat khas.	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan	6
40.	Perubatan Forensik	√	√	Tiada syarat khas.	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan	6
41.	Perubatan Sukan	√	√	Tiada syarat khas.	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan/ Jurupulih Perubatan (Fisioterapi)	6
42.	Prostesis Maksilofasial		√	a) Berkhidmat sekurang-kurangnya lima (5) tahun sebagai Juruteknologi Pergigian	Juruteknologi Pergigian	6

Bil	Program	Sesi		Syarat-Syarat Khas	Jawatan yang layak memohon	Tempoh (Bulan)
		Mac	Sep			
				b) Keutamaan kepada calon yang sedang berkhidmat di klinik pakar dan akan ditempatkan di klinik pakar berkenaan selepas tamat latihan; dan c) Permohonan perlu disokong oleh Pakar Maksilofasial dan diluluskan oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian).		
43.	Pergigian Pediatrik		√	a) Berkhidmat sekurang-kurangnya lima (5) tahun sebagai Juruterapi Pergigian b) Keutamaan kepada calon yang sedang berkhidmat di klinik pakar dan akan ditempatkan di klinik pakar berkenaan selepas tamat latihan; c) Permohonan perlu disokong oleh Pakar Pergigian Pediatrik dan diluluskan oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian); dan d) Calon gred U29 hingga U32 sahaja yang layak memohon.	Juruterapi Pergigian	6
44.	Orthodontik Teknologi Pergigian		√	a) Berkhidmat sekurang-kurangnya lima (5) tahun sebagai Juruteknologi Pergigian; b) Keutamaan kepada calon yang sedang berkhidmat di klinik pakar dan akan ditempatkan di klinik pakar berkenaan selepas tamat latihan; dan	Juruteknologi Pergigian	6

Bil	Program	Sesi		Syarat-Syarat Khas	Jawatan yang layak memohon	Tempoh (Bulan)
		Mac	Sep			
				c) Permohonan perlu disokong oleh Pakar Orthodontik dan diluluskan oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian).		
45.	Sediaan Farmaseutikal Steril	√		a) Berkhidmat sekurang-kurangnya lima (5) tahun sebagai Penolong Pegawai Farmasi; dan b) Pengalaman bertugas sekurang-kurangnya enam (6) bulan di Unit <i>Parenteral Nutrition, IV Admixture</i> dan <i>Cytotoxic Drug Reconstitution</i> .	Penolong Pegawai Farmasi	6
46.	Penjagaan Reumatologi	√	√	Tiada syarat khas.	Jururawat/ Penolong Pegawai Perubatan	6
47.	Penjagaan Dermatologi	√	√	Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam bidang yang berkaitan dengan penjagaan dermatologi.	Jururawat/ Penolong Pegawai Perubatan	6
48.	Pengurusan Penjagaan Luka	√	√	Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam bidang yang berkaitan dengan Penjagaan Luka.	Jururawat/ Penolong Pegawai Perubatan	6
49.	Perawatan Nefrologi	√	√	Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan di Jabatan Nefrologi.	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan	6
50.	Penjagaan Stoma dan <i>Contenance</i>	√	√	Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam bidang yang berkaitan dengan penjagaan Stoma dan <i>Contenance</i> .	Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan	6

**JENIS-JENIS PENALTI YANG DIKENAKAN KEPADA PEMEGANG BIASISWA DALAM PERKHIDMATAN YANG GAGAL
MENAMATKAN PENGAJIAN DENGAN JAYA**

BIL	PERKARA	PENALTI YANG DIKENAKAN
1	Masalah Disiplin	i. Bayaran ganti rugi sepenuhnya atas kadar yang ditetapkan di dalam Perjanjian; ii. Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan; iii. Tidak layak ditawarkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan; dan iv. Tidak layak dipertimbangkan sebarang bentuk cuti belajar di sepanjang tempoh perkhidmatan.
2	Menarik Diri	i. Bayaran ganti rugi sepenuhnya atas kadar yang ditetapkan di dalam Perjanjian; ii. Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan; iii. Tidak layak ditawarkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan; dan iv. Tidak layak dipertimbangkan sebarang bentuk cuti belajar di sepanjang tempoh perkhidmatan kecuali sebab Tarik diri adalah di atas kepentingan perkhidmatan (yang dapat dibuktikan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan)
3	Tidak mencapai markah lulus / syarat siswazah yang ditetapkan oleh universiti / kolej atau institusi	i. Bayaran ganti rugi sekurang-kurangnya 25% daripada kadar yang ditetapkan di dalam Perjanjian;

		<ul style="list-style-type: none"> ii. Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan; dan iii. Tidak layak ditawarkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan.
4	Tamat tempoh penajaan	<ul style="list-style-type: none"> i. Bayaran ganti rugi sekurang-kurangnya 25% daripada kadar yang ditetapkan di dalam Perjanjian sekiranya gagal mengemukakan bukti tamat dengan jaya dalam tempoh Perjanjian atau apa-apa tempoh lanjutan* setelah tamat tempoh tajaan ii. Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan; iii. Tidak layak ditawarkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan; dan iv. Tidak layak dipertimbangkan sebarang bentuk cuti belajar di sepanjang tempoh perkhidmatan
PENGECUALIAN KEPADA TUNTUTAN GANTIRUGI		
5	Masalah kesihatan (Jenis-jenis penyakit kronik adalah seperti di Lampiran A)	<ul style="list-style-type: none"> i. Tiada tuntutan ganti rugi dikenakan; ii. Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan; dan iii. Tidak layak ditawarkan biasiswa dalam perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan